




AKTIVITI PENYELIDIKAN

- Ladang dirian buluh semantan semula jadi
- Penyelidikan pembentukan dan tumbesaran tanaman ladang spesies mahang (*Macaranga tanarius*) di hutan yang diterokai
- Tanaman ladang jati
- Tanaman ladang tongkat ali
- Tanaman ladang sesenduk

KEMUDAHAN

- Menyediakan lokasi dan tapak penyelidikan penanaman tanaman ladang hutan dan spesies herba.
- Pusat pembelajaran pelajar-pelajar IPTA, IPTS, kolej, sekolah dan orang perseorangan.
- Aktiviti perkhemahan, rekreasi dan eksplorasi.



PROGRAM HUTAN LADANG
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

52109 Kepong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +03-6279 7093 Faks: 603 6273 1314
Web: www.frim.gov.my E-mel: emlee@frim.gov.my

Hotline: 603 6279 7000


JELI

STESEN PENYELIDIKAN FRIM
Program Hutan Ladang




PENGENALAN

Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Jeli seluas 200 ha ialah sebahagian kawasan hutan tanah negeri (State Land Forests) di PT 4269 Mukim Belimbang, Daerah Batu Melintang, Jajahan Jeli, Kelantan. Pada 30 Ogos 2010 kawasan SPF Jeli seluas 200 ha telah mendapat status hak milik dari Kerajaan Negeri Kelantan. Dihubungkan dengan jalan darat 20 km dari bandar Jeli dan lebih kurang 95 km dari bandar Kota Bharu. Koordinat, X101°41'5.21772" Y5°39'34.687346".



Topografi beralun hingga berbukit curam dan ditumbuhi dengan dirian asal buluh semantan (*Gigantochloa scorchedii*) manakala di bahagian bukit dengan dirian hutan tropika. Juga terdapat sebatang sungai yang merentasi kawasan stesen dengan kawasan air terjun yang berpotensi untuk menarik pelancong apabila infrastruktur jalan siap dibina kelak.



OBJEKTIF

- Bertujuan mewujudkan pusat kecemerlangan yang berkonsepkan perhutanan yang pelbagai sebagai tarikan pelancong, pelajar universiti, penyelidik dan pelabur ladang hutan.
- Konsep perhutanan ini merangkumi produk berasaskan kayu dan bukan kayu seperti buluh semantan termasuklah penubuhan dirian pelbagai spesies hutan, yang dibuat secara ujian terutama secara kultur tisu yang dikeluarkan oleh FRIM.
- Spesies hutan yang telah dikenal pasti ialah sesenduk (*Endospermum malaccense*), karas (*Aquilaria malaccensis*), mahang, jati & tongkat ali.
- Penubuhan dirian uji tanam produk/klon yang berkualiti dan yang terpilih diharapkan dapat memperkenalkan produk tanaman hutan secara lebih meluas kepada para pelabur ladang hutan.
- Untuk menuju pelbagai dirian spesies herba yang terpilih secara perhutanan-tani termasuklah kacip fatimah (*Labisia spp*), tongkat ali (*Eurycoma longifolia*), pelbagai spesies kunyit (*Ginger spp*: *Zingiber officinale*), limau (Kaffir lime: *Citrus hystrix*) dan spesies herba yang lain.

